

04 APR 2002

SAYA TIDAK BIMBANG TENTANG MASA DEPAN MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bimbang tentang masa depan Malaysia selepasnya kerana sistem mentadbir negara ini telah sedia dibentuk.

Perdana Menteri berkata beliau tidak berfikir bahawa beliau tidak boleh diganti.

Katanya, Malaysia ditadbir oleh gabungan besar 14 buah parti komponen yang telah menerima sistem bekerjasama.

"Sistem mentadbir negara ini sudah sedia dibentuk. Saya percaya selepas saya tidak lagi berada di sini, sistem ini akan berkesan (tetapi) akan ada perubahan kerana setiap pemimpin ada cara tersendiri," katanya.

"Saya tidak bimbang langsung tentang masa depan negara ini," katanya pada satu pertemuan bersama lebih kurang 20 orang wartawan antarabangsa yang membuat liputan Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berakhir semalam.

"Kami telah mempunyai satu sistem, cara melakukan sesuatu perkara dan bagaimana mengendalikan hubungan antara kaum. Maka ia bukan sesuatu yang kami bimbangkan," katanya menjawab pertanyaan mengenai langkah persediaan negara ini selepas beliau tidak lagi memimpin.

-- BERNAMA

MAM ZS MOZ